

BAB 2

TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN

PREVIU

Kerajaan Malaysia, melalui pelbagai agensi, berusaha untuk menyediakan persekitaran kondusif agar rakyat yang menceburi bidang perniagaan dapat berkembang maju. Oleh itu, dalam bab ini, anda akan mengenal pasti peranan kerajaan dan memahami aspek-aspek yang dapat mendorong sesebuah perniagaan untuk maju atau mengalami kegagalan pada peringkat domestik atau global.

KATA KUNCI

- Trend persekitaran
- Faktor perubahan
- Kesan perubahan

Standard Pembelajaran

Selepas mempelajari bab ini, murid boleh:

- 1 mengenal pasti peranan kerajaan dalam menangani isu-isu tempatan, negara dan serantau mengenai pertumbuhan, guna tenaga penuh, inflasi dan deflasi
- 2 mengimbas trend persekitaran perniagaan
- 3 menganalisis faktor-faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan
- 4 menilai kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan

Trend semasa dalam perniagaan

Peranan kerajaan dalam menangani isu-isu tempatan, negara dan serantau mengenai

- pertumbuhan ekonomi,
- guna tenaga penuh,
- inflasi dan
- deflasi

Trend persekitaran perniagaan

Faktor-faktor perubahan persekitaran perniagaan

Kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan

2.1 Peranan Kerajaan dalam Menangani Isu-isu Tempatan, Negara dan Serantau

Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menangani isu-isu berkaitan pertumbuhan, guna tenaga penuh, inflasi dan kemelesetan ekonomi yang berlaku pada peringkat tempatan, negara dan serantau. Antara kementerian yang sedia membantu perniagaan bersaing pada peringkat domestik dan antarabangsa adalah seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta agensi kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Bank Negara Malaysia (BNM).



 **Gambar foto 2.1** Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan bank pusat yang berperanan untuk memantau dan mengawal keadaan ekonomi negara termasuklah dalam bidang perniagaan. Bank Negara Malaysia juga turut berperanan untuk meningkatkan kestabilan kewangan bagi pertumbuhan ekonomi dan perniagaan Malaysia.

Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia berfungsi untuk mengawal selia infrastruktur sistem pembayaran negara yang menekankan aspek kecekapan dan keselamatan sistem kewangan negara.



Cintai Negara

Perniagaan perlu melibatkan penyertaan semua kaum dalam sistem operasi bagi memperkukuh perpaduan kaum di Malaysia.



QR Code

Bank Negara Malaysia
<http://www.bnm.gov.my>



Minda Kreatif

Jelaskan peranan kerajaan dalam membangunkan perniagaan di Malaysia.

2.1.1 Peranan Kerajaan Pusat, Negeri dan Tempatan

Di Malaysia, di bawah kerajaan negeri, terdapat kerajaan tempatan yang berperanan menguruskan hal ehwal tempatan. Berikut merupakan contoh pentadbiran kerajaan yang terdapat di Malaysia:



Gambar foto 2.2 Parlimen Malaysia



Gambar foto 2.3 Dewan Undangan Negeri



Gambar foto 2.4 Majlis Bandaraya



Senaraikan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung dalam urusan berkaitan dengan perniagaan.

Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam menangani isu-isu yang berlaku pada peringkat tempatan, negara dan serantau. Huraian lanjut adalah seperti dalam Rajah 2.1.



Rajah 2.1 Isu tempatan, negara dan serantau

(a) Peranan Kerajaan Pusat

Pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan terletak di Putrajaya. Kerajaan Pusat mempunyai fungsi dan bidang kuasa tersendiri dalam menangani isu ekonomi dan perniagaan dari aspek perundangan, kewangan dan perkembangan aktiviti perniagaan.



Gambar foto 2.5 Perdana Putra (Pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan)



QR Code

Pejabat Perdana Menteri

<http://www.pmo.gov.my>

**EMK****Arahan:**

Bincangkan dalam kumpulan.
Kemudian bentangkan.

Soalan:

Jelaskan kebaikan
undang-undang yang
telah digubal kepada
perniagaan tempatan.

**Buletin Keusahawan****Parlimen**

Parlimen ialah kuasa
perundangan bagi Malaysia.
Parlimen berperanan menggubal
undang-undang untuk
dikuatkuasakan di negara ini.
Parlimen Malaysia berbentuk
bicameral, iaitu terdiri daripada
dwidewan (Dewan Rakyat dan
Dewan Negara).

Sumber: Dipetik dan disesuaikan
daripada laman sesawang [http://
www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)

(i) Aspek Perundangan

Dari aspek perundangan, kerajaan Malaysia mempunyai kuasa untuk menggubal sesuatu undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan melalui Parlimen Malaysia. Hal ini bagi memastikan aktiviti perniagaan dapat berjalan dengan lancar supaya semua isu tempatan, negara dan serantau dapat diatasi dengan baik.

• Penggubalan Undang-Undang

Terdapat beberapa akta yang telah diwujudkan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2 yang berikut:



Rajah 2.2 Contoh akta dalam perniagaan

Setiap akta digubal bertujuan untuk mengawal perjalanan aktiviti perniagaan bagi menangani isu tempatan, negara dan serantau dalam aspek perundangan. Setiap isu atau perkara yang wujud dalam sesebuah perniagaan yang berkaitan dengan pihak kerajaan dan undang-undang akan diselesaikan melalui agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Pihak kerajaan juga berperanan untuk memastikan setiap perniagaan yang dijalankan mesti didaftarkan. Pendaftaran perniagaan boleh dibuat berdasarkan entiti perniagaan yang ditubuhkan serta tertakluk kepada akta yang berkaitan.

Contoh

Semua syarikat perlu didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Syarikat perlu mematuhi segala syarat yang termaktub di bawah Akta Syarikat 1965.

• Perlindungan Pengguna

Undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna turut digubal supaya pengguna tidak ditindas oleh peniaga yang menjalankan amalan perniagaan yang tidak sihat seperti mengelirukan pengguna dalam kualiti barang dan harga barang.

Contoh

Contoh undang-undang yang boleh melindungi pengguna ialah Akta Perihal Dagangan 1972. Akta ini melindungi pengguna dalam aspek mendapat maklumat barang dan kepenggunaan yang benar melalui penerangan yang benar dan maklumat yang mencukupi. Selain itu, terdapat akta lain yang berkaitan dengan pengguna seperti Akta Kawalan Harga 1946, Akta Sewa Beli 1967, Akta Timbang Sukat 1972, Akta Mutu Alam Sekitar 1974 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Matlamat undang-undang perlindungan pengguna ditunjukkan dalam Rajah 2.3 yang berikut:



Rajah 2.3 Matlamat undang-undang perlindungan pengguna

Setiap isu atau kes yang wujud akan dirujuk atau dikemukakan kepada pihak atau agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti Tribunal Tuntutan Pengguna dan mahkamah. Pihak penghakiman akan memutuskan setiap kes.



EMK

Arahan:

Pilih salah satu undang-undang berkaitan pengguna.

Soalan:

Jelaskan cara undang-undang tersebut dapat melindungi pengguna daripada tindakan negatif peniaga.



Minda Kreatif

E-Tribunal

E-Tribunal adalah sebuah sistem berasaskan web yang dibangunkan khusus oleh KPDNKK untuk memberikan kemudahan kepada para pengguna membuat pertanyaan mengenai pemfailan tuntutan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Daftarkan diri anda sebagai pengguna, kemudian dapatkan maklumat tentang jenis tuntutan yang boleh difailkan di TTPM.



Minda Kreatif

Jelaskan tindakan peniaga untuk mendapatkan manfaat daripada pelepasan cukai.



Cintai Negara

Rakyat bertanggungjawab membayar cukai kepada kerajaan supaya kerajaan dapat menggunakan hasil tersebut untuk pembangunan negara.

• Pelepasan Cukai

Bagi menggalakkan rakyat Malaysia menceburi sesuatu jenis perniagaan, kerajaan telah mewujudkan beberapa pelepasan cukai dalam sektor-sektor tertentu. Contoh pelepasan cukai ialah taraf perintis, elaun cukai pelaburan, potongan cukai, pengecualian cukai dan elaun pelaburan semula.

Huraian tentang pelepasan cukai ditunjukkan dalam Jadual 2.1 yang berikut:

Jadual 2.1 Huraian tentang pelepasan cukai

Jenis Pelepasan Cukai	Huraian
Taraf perintis	Diberikan kepada syarikat yang menyertai promosi oleh kerajaan. Syarikat dikecualikan pembayaran cukai selama lima tahun.
Elaun cukai pelaburan	Pelepasan cukai ekoran daripada pelaburan modal yang diberikan kepada perniagaan berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) dan berasaskan bahan mentah tempatan.
Potongan cukai	Potongan cukai diberikan kepada pengeksport yang menjual barangan tempatan dengan kadar potongan bergantung pada jenis perbelanjaan yang terlibat.
Pengecualian cukai	Diberikan kepada syarikat status MSC dan terlibat dalam industri teknologi tinggi. Perbelanjaan yang mendapat pengecualian cukai ialah penyelidikan pasaran eksport, pameran dan pengiklanan di luar negara.
Elaun pelaburan semula	Diberikan kepada syarikat yang terlibat dalam perniagaan pengeluaran makanan, pembinaan jalan dan pembukaan tanah untuk pembelian aset modal. Pendapatan syarikat dilabur semula untuk pembelian aset.

Pada peringkat Persekutuan, kebiasaannya aktiviti pungutan cukai dilaksanakan oleh dua agensi utama seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4 yang berikut:



Rajah 2.4 Agensi pungutan cukai Persekutuan

(ii) Aspek Kewangan

Kewangan merujuk pada **sumber pembiayaan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi**. Terdapat banyak isu yang dihadapi pada peringkat tempatan, negara dan serantau yang berkaitan dengan bidang kewangan. Aspek kewangan perlu ditangani dengan baik oleh pihak kerajaan bagi memastikan ekonomi berkembang secara berterusan.

Oleh itu, kerajaan memainkan peranan yang penting dalam membantu peniaga mendapat pembiayaan sumber kewangan dalam memulakan dan mengembangkan sesuatu perniagaan.

Contoh

Agensi berkaitan dengan bantuan kewangan kepada usahawan



Majlis Amanah Rakyat (MARA)



Perbadanan Usahawan Nasional Berhad



TEKUN Nasional

Dalam mengawal perjalanan ekonomi negara, Bank Negara Malaysia (BNM) berperanan untuk memastikan semua aktiviti perniagaan hendaklah selaras dengan dasar kewangan yang ditentukan dari semasa ke semasa.



Celik Kewangan

Setiap usahawan perlu bijak mengambil peluang daripada bantuan kewangan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan.




EMK

Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Jelaskan kelebihan bantuan kewangan yang ditawarkan oleh kerajaan kepada usahawan di Malaysia.



Rajah 2.5 Pembiayaan perniagaan



Buletin Keusahawanan



Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) merupakan sebuah pusat kecemerlangan pembangunan keusahawanan. INSKEN berperanan untuk melaksanakan pembangunan kapasiti melalui program-program yang didorong oleh industri (*industry driven*) dan dipacu usahawan (*entrepreneur-led*) secara kolaborasi antara sektor swasta dengan sektor awam melalui kerjasama daripada pelbagai agensi. Hal ini bertujuan untuk menentukan program pembangunan keusahawanan bagi memenuhi keperluan industri dan bersifat rentas sektor.



Minda Kreatif

Jelaskan cara memanfaatkan peranan MATRADE bagi memajukan perniagaan yang sedang dijalankan.

(iii) Aspek Perkembangan Aktiviti Perniagaan

Perkembangan perniagaan yang pesat menyebabkan berlakunya permintaan tenaga pekerja bagi mengisi kekosongan jawatan yang wujud dalam sesebuah perniagaan. Namun, kemelesetan ekonomi merupakan faktor penghalang dalam perkembangan sesebuah organisasi perniagaan. Oleh itu, peranan pihak kerajaan melalui pelaksanaan dasar fiskal dan dasar kewangan penting untuk memulihkan keadaan ekonomi.

• Aktiviti Promosi

Pihak kerajaan secara berterusan berusaha untuk memacu pertumbuhan ekonomi ke arah yang lebih stabil dan kukuh termasuk dengan meningkatkan aktiviti promosi. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang ditubuhkan pada tahun 1993 menjalankan peranannya sebagai sebuah agensi kerajaan dengan mempromosikan aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan di luar Malaysia bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Contoh

Peranan MATRADE



Peranan yang dijalankan oleh MATRADE ialah

- mencari dan membangunkan kawasan perdagangan baharu serta mengenal pasti pasaran baharu di luar negara.
- menemukan pengeksport Malaysia dengan pengimport dari luar negara.
- mengekalkan perhubungan antara pengimport dengan pengeksport berdaftar.
- mencetak dan mengedarkan bahan bacaan mengenai aktiviti perdagangan Malaysia.
- mengadakan misi perdagangan ke luar negara untuk pengeluar tempatan dan membawa masuk pengimport dari luar negara.
- mengambil bahagian dalam pameran perdagangan antarabangsa dalam usaha mempromosikan barangan keluaran Malaysia dan mengeratkan perhubungan perdagangan dengan negara lain.
- merancang dan mengendalikan seminar perdagangan antarabangsa untuk pengeksport Malaysia.

- **Aktiviti Latihan dan Pembangunan**

Kerajaan Malaysia melalui pelbagai agensi di bawahnya telah menganjurkan pelbagai jenis latihan dan kursus. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peniaga terutama dalam kalangan bumiputera supaya dapat terus berdaya saing dalam pasaran sama ada dalam atau di luar negara.

Contoh

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)



Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) memainkan peranan untuk menyediakan input dalam bidang produktiviti dan kuantiti, mempertingkatkan pembangunan sumber tenaga manusia dan menerajui pergerakan produktiviti dan kualiti. Antara latihan yang dikendalikan oleh MPC ialah kursus keusahawanan, kursus pengurusan dan kawalan kualiti dan kursus kewangan dan perakaunan.

Latihan ialah inisiatif yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi untuk menggalakkan peningkatan produktiviti dalam kalangan pekerja. Pembangunan bermaksud inisiatif yang diambil oleh organisasi dalam jangka masa yang panjang untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan pekerja dari semasa ke semasa.

Latihan dan pembangunan merupakan suatu bidang yang khusus dalam usaha membantu pihak pengurusan meningkatkan produktiviti para pekerja bermula daripada peringkat atasan sehingga bawahan.



SME Corp Malaysia

SME Corp Malaysia merupakan agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. Melalui gerak kerja kumpulan,

- (i) senaraikan fungsi SME Corp
- (ii) terangkan cara SME Corp menangani isu tempatan dan negara.



Minda Kreatif

Jelaskan peranan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dalam membantu peniaga.



Buletin Keusahawanan

Selain MPC, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, atau *Malaysian Entrepreneurship Development Center (MEDEC)* juga menyediakan latihan untuk usahawan. Secara khususnya, MEDEC diwujudkan untuk membentuk pelan rancangan dan program keusahawanan seperti latihan, kajian dan konsultansi. MEDEC telah berkembang sebagai sebuah badan atau organisasi yang menjadi pusat latihan keusahawanan dan pendidikan di Malaysia.



EMK

Arahan:

Bentangkan dalam kelas.

Soalan:

Jelaskan kelebihan aktiviti penyelidikan dan pembangunan kepada perniagaan.



Buletin Keusahawanan



HOUSE OF HEALIN
Your Health & Beauty Store

Dato' Prof Dr Hassan Yaacob ialah seorang penyelidik perubahan dari Universiti Malaya yang mendapat anugerah INOTEX/ MINDEX dari Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar pada tahun 1994. Beliau ialah pengasas produk berjenama Healin dan syarikat Healwell Pharmaceuticals Sdn. Bhd. Penyelidikannya ke atas keajaiban gamat dilanjutkan di University of Kyushu dan University of Toyama Jepun bermula pada tahun 1995 sehingga sekarang. Setelah lebih dari 10 tahun melakukan penyelidikan dan pembangunan ke atas gamat, beliau telah berjaya mengeluarkan produk berasaskan sebatian tulenan Gamodulin dari gamat secara komersial di bawah jenama HEALIN.



Dapatkan maklumat tentang peranan yang dijalankan oleh Institut Piawaian Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dalam menangani isu tempatan dan negara.

- **Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan**

Setiap aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh pihak kerajaan dapat menjaga kreativiti dan inovasi untuk memangkinkan kejayaan dalam dunia perniagaan selain dapat menangani isu setempat, negara dan serantau.

Contoh**Agensi yang terlibat dalam R&D**

Menjalankan penyelidikan dalam bidang pertanian dan memperkenalkan teknologi baharu kepada industri bagi tujuan untuk menghasilkan peningkatan produktiviti dan kualiti produk



- Memastikan produk di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan dan bermutu tinggi
- Menjalankan kajian bagi memastikan tiada penyelewengan dari segi kualiti
- Menjalankan aktiviti penyelidikan dan menyampaikan maklumat yang berkaitan dengan pembangunan dan perubahan dalam teknologi



Meningkatkan nilai perkembangan keluaran berasaskan minyak sawit Malaysia



TNB RESEARCH

Menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi menangani setiap isu yang berkaitan dengan tenaga elektrik

Kemajuan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berkembang pesat merupakan salah satu faktor yang dapat membantu memajukan ekonomi sesebuah industri. Hal ini dilaksanakan melalui kajian secara sistematik dan intensif bagi memperbaiki tahap pertumbuhan dan pembangunan sesebuah industri selaras dengan wawasan negara Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

(b) Peranan Kerajaan Negeri

Pembentukan kerajaan negeri termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu terdapat pembahagian kuasa antara kuasa kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri. Dengan itu, kerajaan negeri mempunyai kuasa tertentu bagi membolehkan pentadbiran kerajaan negeri berjalan dengan lancar dan tersusun.

Bidang kuasa kerajaan negeri atas bahan galian dan tanah membolehkan mereka mewujudkan kawasan industri untuk menggalakkan dan memajukan kegiatan ekonomi di sesuatu kawasan yang dipilih.



 **Gambar foto 2.6** Aktiviti pembangunan kawasan

Kewujudan kawasan industri membolehkan peningkatan hasil pendapatan kerajaan melalui bayaran lesen yang dikenakan. Kerjasama antara kerajaan negeri dengan sektor swasta dapat menggalakkan aktiviti perniagaan dalam sesebuah negeri.

Hal ini termasuk menarik kemasukan pelabur tempatan untuk melabur modal dalam pelbagai bidang seperti bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan infrastruktur. Hal ini seterusnya telah membantu kerajaan sesebuah negeri untuk memacu kerancangan aktiviti perniagaan. Contohnya, kerajaan negeri Johor telah membentuk Hub Perdagangan ICT Global dalam Iskandar Malaysia.

Pembentukan syarikat berkepentingan kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang terdapat di setiap negeri dapat merencanakan aktiviti perniagaan. Banyak perniagaan berasaskan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) telah diwujudkan sebagai pembekal dan vendor dalam menyokong aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan PKEN.



Minda Kreatif

Jelaskan peranan kerajaan negeri dalam meningkatkan bilangan usahawan di Malaysia.



Cintai Negara

Setiap aktiviti perniagaan perlu mengambil kira perlindungan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat setempat.



 **Gambar foto 2.7** Perbincangan pembangunan kawasan



Minda Kreatif

Jelaskan skim galakan yang disediakan oleh kerajaan negeri tempat anda tinggal dalam memajukan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).



Buletin Keusahawanan



Malaysia Best merupakan satu Perakuan Jenama (*Endorsement Brand*) yang melambangkan identiti Malaysia untuk meningkatkan jualan dan profil produk-produk berasaskan pertanian di pasaran tempatan dan global. Malaysia Best membantu menaikkan taraf produk-produk berasaskan pertanian keluaran tempatan bagi pasaran antarabangsa serta mewujudkan kestabilan dalam setiap keadaan ekonomi.

Contoh

Perbadanan Kemajuan Negeri



Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)



Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDICO)

Kerajaan negeri melalui PKEN boleh memberi bantuan kepada usahawan yang baharu dengan menghasilkan produk yang mendapat sokongan daripada kerajaan negeri.

Dalam bidang pertanian, kerajaan negeri boleh menggalakkan sektor swasta dalam mengusahakan sesuatu jenis pertanian yang diperlukan oleh rakyat sesebuah negeri dan negara. Oleh sebab pengurusan tanah merupakan penguasaan kerajaan negeri, hal ini memudahkan kerajaan negeri untuk menyediakan lokasi strategik dalam mengusahakan sesuatu projek pertanian dengan memberi beberapa skim galakan yang sesuai dan kompetitif.



Gambar foto 2.8 Projek pertanian moden

(c) Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan pelaksana dasar pada peringkat akar umbi dalam menyampaikan perkhidmatan kepada warga penduduk tempatan. PBT ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sebagai badan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir sesebuah kawasan yang terlibat berasaskan kepentingan tempatan seperti Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah.



 **Gambar foto 2.9** Pihak Berkuasa Tempatan

Peranan PBT dalam perniagaan lebih tertumpu pada menangani isu tempatan. PBT diberi kuasa untuk memastikan kawasan pentadbirannya berada dalam keadaan selamat dan merancang sesuatu pembangunan dalam keadaan sempurna serta sesuai dengan keadaan masyarakat setempat.

Peranan lain yang dijalankan oleh PBT adalah seperti berikut:

- 1 penyediaan kemudahan infrastruktur yang dapat menjamin keselesaan kehidupan masyarakat setempat.
- 2 pewujudan pusat-pusat perniagaan atau perdagangan seperti pasar-pasar dan gerai-gerai.
- 3 pengawalan terhadap kesihatan awam dan keselamatan.
- 4 pelaksanaan tanggungjawab sosial yang meliputi pembangunan kemudahan awam.



Arahan:

Bincangkan dan buat pembentangan dalam kelas.

Soalan:

Kenal pasti dan terangkan perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu peniaga.



Buletin Keusahawanan

Skim PUNB

Terdapat pelbagai program yang dianjurkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad bagi melahirkan generasi usahawan yang sentiasa berdaya saing dan berfikir di luar kotak. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- **PROSPER**
PEMBORONG
- **PROSPER**
RUNCIT
- **PROSPER**
TERAS
- **PROSPER**
USAHAWAN MUDA
- **Skim PKS**



Minda Kreatif

Berikan kelebihan yang termaktub dalam undang-undang kecil penaja kepada usahawan muda pada masa ini.



Cintai Negara

Setiap usahawan perlu peka terhadap setiap cukai yang perlu dibayar termasuk cukai yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

PBT bertanggungjawab untuk memastikan setiap pembinaan bangunan dalam keadaan selamat dan sempurna. Selain itu, PBT turut bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan setempat. PBT juga berkuasa untuk menggubal sesuatu undang-undang kecil yang berkaitan dengan perniagaan, iaitu pengawalan premis perniagaan, pengawalan pengiklanan dan mengatur sebarang jualan awam.

Contoh

Pihak Berkuasa Tempatan diberi kuasa untuk menggubal beberapa Undang-Undang Kecil seperti yang berikut:

- 1 Undang-Undang Kecil Pelesenan, Perniagaan dan Perindustrian
- 2 Undang-Undang Kecil Pasar
- 3 Undang-Undang Kecil Penaja

Kegagalan pihak yang berkaitan di kawasan setempat dan peniaga dalam mematuhi undang-undang boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan termasuk didakwa di mahkamah.



Aktiviti Kumpulan Kreatif dan Inovatif

Pembelajaran Kendiri

Tugasan: Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai bidang kuasa tersendiri dalam memastikan setiap perkara yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan sistematik. Huraikan bidang kuasa yang dimiliki oleh PBT dalam membantu melahirkan usahawan yang lebih berjaya dan berdaya saing.

Arahan:


- 1 Buat perbincangan kumpulan dengan mengenal pasti isu utama. Kemudian, nyatakan kehendak tugas soalan.
- 2 Buat rangka isi-isi penting dan sediakan bahan untuk pembentangan.
- 3 Lakukan sesi sumbang saran antara ahli kumpulan. Pastikan setiap ahli mendengar idea dan pandangan ahli lain tanpa membangkang.
- 4 Pilih idea terbaik untuk dijadikan isi penting.
- 5 Sediakan bahan pembentangan dalam bentuk *PowerPoint*.
- 6 Buat persediaan pembentangan.
- 7 Bentangkan dalam kelas.



Senaraikan peranan PBT dalam memajukan peniaga-peniaga kecil terutama usahawan muda yang baru menceburi bidang perniagaan ke tahap yang lebih baik. Kemudian berikan contoh bantuan yang telah diberikan oleh PBT kepada perusahaan kecil dan sederhana di kawasan anda.

2.1.2 | Peranan Kerajaan dari Aspek Pertumbuhan Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan dalam sesuatu kegiatan yang berkaitan dengan ekonomi terutama dalam pembangunan ekonomi berbentuk fizikal yang menyebabkan pertambahan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam ekonomi sesebuah negara.



Rajah 2.6 Pertumbuhan ekonomi negara

Pada masa ini, terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Contoh	Inisiatif Kerajaan
<p>Program Transformasi Kerajaan (GTP)</p> <p>GOVERNMENT TRANSFORMATION PROGRAMME</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) • Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)
<p>Program Transformasi Ekonomi (ETP)</p> <p>ECONOMIC TRANSFORMATION PROGRAMME</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) • Inisiatif Transformasi Strategik (SRI)

Celik Kewangan

Setiap individu perlu bijak mengawal dan mengurus kredit bagi mengelakkan masalah kekangan kewangan atau terjebak dalam risiko muflis.



Peringkat tempatan

Perkembangan yang wujud dalam perniagaan pada peringkat tempatan akan membantu meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Hal ini membolehkan penduduk berbelanja lebih dan membantu memacu pertumbuhan ekonomi setempat.



Peringkat negara

Kerajaan memainkan peranan untuk memperkukuh pertumbuhan ekonomi melalui pelaksanaan dasar tertentu seperti dasar fiskal dan dasar kewangan.

Dasar fiskal dilaksanakan melalui tindakan perbelanjaan pihak kerajaan dan pelaksanaan cukai tertentu yang boleh mempengaruhi permintaan. Kesannya, perniagaan akan berusaha meningkatkan pengeluaran barang atau perkhidmatan tertentu dan seterusnya meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Hal ini seterusnya akan membantu perkembangan ekonomi sesebuah negara.

Dasar kewangan pula boleh dilaksanakan melalui peranan bank pusat, iaitu Bank Negara Malaysia (BNM) yang berupaya untuk mengurangkan kadar faedah bagi menggalakkan penduduk berbelanja dan aktiviti pelaburan oleh perniagaan. Hal ini seterusnya dapat menstabilkan kewangan negara.



Peringkat serantau

Perbelanjaan penduduk akan meningkatkan penawaran dan membantu mengukuhkan ekonomi negara. Kerajaan boleh menyediakan elaun eksport untuk menggalakkan perniagaan mengeksport lebih banyak barang dan perkhidmatan yang lebih banyak ke luar negara.

Rajah 2.7 Peranan kerajaan dari aspek ekonomi

2.1.3 | Peranan Kerajaan dari Aspek Guna Tenaga


Dalam konteks ilmu ekonomi, guna tenaga penuh akan berlaku apabila sesebuah negara mencapai kadar pengangguran kurang daripada empat peratus. Dalam keadaan ini, negara tersebut hanya mengalami **pengangguran geseran**.

Apabila guna tenaga penuh dicapai, hal ini membolehkan pekerja memperoleh pendapatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam kehidupan. Sebaliknya, apabila **guna tenaga** gagal mencapai guna tenaga penuh, hal ini akan menyebabkan wujud pengangguran.

Contoh

Jika sebuah kilang di sesuatu kawasan ditutup, hal ini akan menyebabkan penduduk yang bekerja di kilang tersebut kehilangan pekerjaan. Penduduk yang terlibat dalam masalah tersebut akan kehilangan punca pendapatan. Hal ini seterusnya menyebabkan taraf kehidupan penduduk di kawasan tersebut akan terjejas.

Jenis pengangguran yang wujud di sesebuah negara terbahagi kepada empat jenis seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.8 yang berikut:



Rajah 2.8 Jenis pengangguran

Istilah Perniagaan

Pengangguran geseran

(*frictional unemployment*)

Berlaku apabila pekerja berhenti kerja dan mencari pekerjaan tetapi tidak mendapat pekerjaan dengan serta merta; dan ketika itu mereka dikira sebagai penganggur.

Guna tenaga (*Labour*)

Tenaga buruh yang terlibat dalam sesuatu kegiatan ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.

Cintai Negara

Setiap warganegara Malaysia yang berjaya dalam pendidikan atau perniagaan di luar negara, terutama dalam bidang kritikal seperti perubatan, perlu kembali dan berbakti kepada negara Malaysia tercinta.



Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB atau HRDF)



Antara peranan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) adalah seperti berikut:

- untuk menilai dan menentukan jenis-jenis, takat latihan dan latihan semula pekerja selaras dengan keperluan-keperluan sumber manusia bagi industri-industri
- untuk menggalakkan dan meningkatkan latihan tenaga manusia
- menentukan terma-terma dan syarat-syarat yang di bawahnya apa-apa bantuan kewangan atau pemberian yang hendak diberikan



EMK

Arahan:
Bincang dalam kumpulan.

Soalan:
Apakah penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan dalam mengatasi masalah pengangguran pada masa ini? Jelaskan pendapat anda.

(a) Cara Mengatasi Pengangguran



 **Gambar foto 2.10** Temu duga pekerjaan

(i) Pengangguran Bermusim

Bagi mengatasi pengangguran bermusim, kerajaan boleh memberi insentif kepada pihak perniagaan supaya pengurusan sesebuah perniagaan membenarkan pekerja terus bekerja. Contoh insentif yang boleh diberikan oleh kerajaan ialah pengecualian cukai atas pembayaran gaji pekerja yang diambil terus bekerja dalam satu tempoh masa tertentu.

(ii) Pengangguran Teknologi

Bagi mengatasi masalah pengangguran teknologi, penggunaan mesin-mesin moden hanya digunakan untuk proses tertentu sahaja yang tidak dapat dilaksanakan oleh tenaga buruh. Selain itu, maklumat berkaitan peluang pekerjaan juga perlu diberi dan dikongsi dengan semua tenaga buruh.

(iii) Pengangguran Kitaran

Bagi mengatasi pengangguran kitaran, tindakan kerajaan yang sesuai ialah menjalankan dasar fiskal dan dasar kewangan dalam mengekang kemelesetan ekonomi. Dengan itu, aktiviti perniagaan dapat terus beroperasi dan pengecilan bilangan pekerja dapat dikurangkan.

(iv) Pengangguran Struktur

Bagi mengatasi pengangguran struktur, kerajaan boleh membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi dan perniagaan. Maka, setiap perubahan boleh dihadapi dengan lebih mampan kerana persiapan telah dibuat terutama dalam keperluan tenaga pekerja yang selari dengan perubahan tuntutan semasa. Kerajaan perlu peka tentang perubahan global yang boleh mempengaruhi hala tuju dan corak perniagaan pada jangka masa pendek dan jangka masa panjang.


2.1.4 | Peranan Kerajaan dari Aspek Ekonomi

(a) Inflasi

Inflasi merupakan **satu fenomena kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan**. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh berlaku situasi seperti peningkatan permintaan barang atau perkhidmatan berbanding dengan jumlah barang atau perkhidmatan yang terhad dalam pasaran.

Selain itu, inflasi boleh berlaku disebabkan oleh kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan yang dikenali sebagai inflasi tolakan kos.

Bagi mengatasi masalah inflasi, kerajaan memainkan peranan mengawal kenaikan harga barang dan perkhidmatan. Kerajaan juga turut berperanan memastikan kebajikan pengguna atau pelanggan sentiasa dilindungi dan dipelihara. Hal ini penting bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan peningkatan harga barang dan perkhidmatan.



 **Gambar foto 2.11** Jualan barang keperluan harian

Kerajaan juga turut berperanan dalam menangani masalah kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kenaikan kos sara hidup menyebabkan pendapatan boleh guna menurun.



Celik Kewangan



- Pengguna bijak menghadapi kenaikan kos sara hidup dengan memastikan perancangan kewangan dibuat secara teratur dan terperinci.
- Hal ini disebabkan oleh kos sara hidup semasa sukar dijangka kerana bergantung pada pelbagai faktor dari dalam negara dan luar negara.



EMK

Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

1. Kenal pasti tahun dan punca berlaku inflasi di Malaysia.
2. Jelaskan cara terbaik bagi mengawal inflasi yang wujud agar tidak menjejaskan perniagaan dan pengguna di Malaysia.



Minda Kreatif

Jelaskan secara ringkas tentang punca pekerja kehilangan pekerjaan.



Buletin Keusahawanan

Terdapat pelbagai program keusahawanan yang dibentuk oleh kerajaan bagi melahirkan generasi usahawan muda yang lebih berdaya saing. Berikut ialah antara program berkaitan dengan keusahawanan yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan muda.

MAGIC
MALAYSIAN GLOBAL INNOVATION AND CREATIVITY CENTRE

BAHTERA
BUMIPRENEURS OF TOMORROW

IMET
1Malaysia
Entrepreneur

Kenaikan harga barang dan perkhidmatan berlaku disebabkan oleh jumlah barang dan perkhidmatan yang tidak mencukupi. Pelaksanaan dasar galakan pelaburan merupakan salah satu cara yang dapat meningkatkan kadar pengeluaran sesuai dengan jumlah permintaan. Hal ini seterusnya boleh menyekat kenaikan harga secara berterusan.

Jika inflasi berlaku disebabkan oleh tolakan kos, kerajaan akan memberikan subsidi kepada pengeluar supaya tidak berlaku peningkatan kos pengeluaran yang dihadapi oleh pengeluar dan mengelakkan berlaku peningkatan harga barang dan perkhidmatan.

Langkah-langkah lain yang boleh dilakukan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- **meningkatkan kadar faedah**

Apabila berlaku inflasi dalam ekonomi, kerajaan berperanan untuk mengurangkan tekanan permintaan terhadap barang atau perkhidmatan dengan menggalakkan penduduk untuk menyimpan wang melalui peningkatan dalam kadar faedah. Kesannya, permintaan akan jatuh yang menyebabkan harga tidak terus naik.



Gambar foto 2.12 Jualan barang di pasar raya

- **dasar kerajaan**

Tindakan kerajaan melalui dasar-dasar yang dilaksanakan dapat membantu penduduk sesebuah negara mengekalkan kesejahteraan dengan memenuhi keperluan dan kehendak dalam kehidupan. Harga barang dan perkhidmatan yang stabil memberi daya saing dalam aspek harga dan hal ini mendorong peningkatan permintaan terhadap produk tempatan daripada pengguna negara luar.



 **Gambar foto 2.13** Aktiviti import dan eksport

Keadaan ini menggalakkan aktiviti eksport ke luar negara. Pendapatan kerajaan meningkat ekoran peningkatan kutipan cukai melalui duti eksport yang dikenakan terhadap perniagaan yang mengeksport ke luar negara.

(b) Deflasi

Deflasi merupakan **satu keadaan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan**. Antara faktor yang menyebabkan berlaku kejatuhan harga barang atau perkhidmatan termasuklah faktor permintaan jatuh disebabkan oleh penduduk tidak mampu membeli barang di pasaran. Selain itu, penduduk meramalkan harga barang dan perkhidmatan akan terus jatuh, kesannya pembeli akan menangguhkan pembelian.




Buletin Keusahawanan

Duti eksport dikenakan terhadap barang yang dieksport ke luar negara. Contoh barang keluaran utama yang dikenakan duti eksport ialah petroleum, kayu balak, kelapa sawit dan getah.



Minda Kreatif

Jelaskan kesan deflasi kepada usahawan yang baru menceburi bidang perniagaan. Berikan cara membantu usahawan tersebut.



Rajah 2.9 Kesan deflasi



Berdasarkan Rajah 2.9, jelaskan kesan deflasi.



Minda Kreatif

Senaraikan jenis cukai yang telah dilaksanakan di Malaysia dan jelaskan kepentingan setiap jenis cukai tersebut kepada negara dari aspek ekonomi, sosial dan politik. Kemudian berikan cadangan penambahbaikan kepada sistem cukai sedia ada.



EMK

Arahan:

Baca situasi di bawah dengan teliti, kemudian bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Deflasi menyebabkan pelbagai kesan negatif bukan sahaja kepada rakyat tetapi turut memberi kesan negatif kepada negara. Oleh sebab itu, terdapat beberapa perkara yang perlu dianalisis berkaitan dengan deflasi bagi memastikan masalah ini tidak menjejaskan ekonomi negara secara menyeluruh. Perkara yang perlu dianalisis adalah seperti yang berikut:


- 1 faktor yang menyebabkan berlaku masalah deflasi.
- 2 cara mengatasi masalah deflasi.
- 3 adakah deflasi mempunyai kebaikan? Jika Ya, jelaskan hujah anda dengan fakta yang tepat dan jelas.

Sebagai murid yang berfikir di luar kotak, bincangkan dan nyatakan pendapat anda berdasarkan bukti dan fakta yang diperoleh daripada sumber rujukan seperti buku dan Internet.

Bagi mengatasi masalah berkaitan deflasi, kerajaan memainkan peranan seperti yang berikut:

- **menurunkan kadar cukai**
Bagi mengatasi deflasi, kerajaan mengurangkan kadar cukai yang dibayar oleh pengguna supaya dapat meningkatkan pendapatan boleh guna penduduk. Kesannya, pengguna boleh berbelanja lebih bagi merangsangkan aktiviti perniagaan.
- **memberi khidmat nasihat dan perundangan**
Pihak kerajaan berperanan untuk mendidik para peniaga agar menggunakan setiap sumber secara optimum dalam aktiviti perniagaan untuk meningkatkan jumlah aktiviti eksport ke negara serantau.
- **dasar kewangan negara**
Deflasi juga dapat diatasi dengan menurunkan kadar faedah supaya pengguna mengurangkan simpanan di bank dan meningkatkan perbelanjaan. Kerajaan juga menggunakan peruntukan undang-undang dan beberapa dasar percukaian seperti menurunkan cukai eksport untuk menggalakkan aktiviti perniagaan pada peringkat antarabangsa.

Selain itu, dasar fiskal boleh dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan permintaan yang akan meningkatkan harga barang serta merancang aktiviti dan hasil jualan perniagaan. Seterusnya, hasil pendapatan kerajaan akan meningkat melalui kutipan cukai korporat dan individu. Kutipan atau hasil cukai yang diperoleh akan dapat memastikan aktiviti perniagaan berkembang melalui dasar fiskal dan dasar kewangan.



Rajah 2.10 Contoh belanjawan negara

2.2 Trend Persekitaran Perniagaan

Trend persekitaran perniagaan bermaksud suatu **arah aliran perkembangan sesuatu perniagaan**. Persekitaran perniagaan dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran.

Faktor dalaman merupakan faktor yang boleh dikawal oleh organisasi yang dikenali sebagai faktor persekitaran tugas. Faktor ini terdiri daripada gaya pengurusan, sumber manusia, pemasaran, pengeluaran, kewangan dan perakaunan, teknologi maklumat serta penyelidikan dan pembangunan.

Faktor luaran pula dikenali sebagai persekitaran umum, iaitu faktor ekonomi, politik dan perundangan, pelanggan, masyarakat, persaingan dan jaringan. Kedua-dua faktor ini mempengaruhi trend perniagaan, iaitu trend meningkat, trend menurun dan trend mendatar.



Rajah 2.11 Graf perniagaan meningkat

2.2.1 | Trend Meningkat

Trend meningkat menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat. Hal ini menggambarkan situasi persekitaran perniagaan yang dihadapi oleh sesebuah organisasi perniagaan dapat memacu perkembangan sesebuah perniagaan.

(a) Faktor Dalaman

Pekerja yang bermotivasi tinggi, kreatif, inovatif, rajin, berdisiplin dan berkemahiran tinggi dapat meningkatkan daya pengeluaran sesebuah perniagaan. Perniagaan dapat menawarkan barang dan perkhidmatan yang lebih banyak akan meningkatkan keuntungan. Selain itu, pengurusan yang cekap dan sistematik dapat membantu meningkatkan aktiviti dan operasi perniagaan.



Istilah Perniagaan

Trend (trend):
Arah aliran perkembangan sesuatu kejadian.



Minda Kreatif

Jelaskan kesan trend persekitaran perniagaan pada masa ini kepada pembangunan usahawan muda.



Cintai Negara

Setiap perniagaan yang telah berjaya perlu membantu bakal usahawan yang mempunyai minat dan semangat untuk turut berjaya.



Minda Kreatif

Jelaskan secara ringkas cara persekitaran perniagaan mempengaruhi situasi atau operasi sesebuah perniagaan.



EMK

Arahan:
Bincang dalam kumpulan.

Soalan:
Jelaskan cara menangani masalah trend menurun dalam perniagaan.



Cintai Negara

Setiap perniagaan yang mengalami kegagalan perlu terus berusaha dan tidak mudah berputus asa. Hal ini disebabkan oleh terdapat ramai usahawan berjaya membuktikan bahawa kegagalan merupakan batu loncatan kepada kejayaan besar sesebuah perniagaan.

(b) Faktor Luaran

Dalam aspek faktor luaran, persekitaran perniagaan berada dalam keadaan positif. Hal ini menunjukkan keadaan ekonomi berada dalam keadaan berkembang dengan pesat. Kemampuan sesebuah perniagaan untuk menjana keuntungan hasil daripada aktiviti perniagaan dan pelaburan akan meningkatkan keyakinan pihak pembiayaan untuk memberi bantuan kewangan.

Trend perniagaan yang meningkat juga didorong oleh situasi politik dan perundangan yang stabil. Perkembangan teknologi terkini dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengurangkan kos. Selain itu, kewujudan persaingan dan jaringan perniagaan yang positif boleh menjana kreativiti dan inovasi sesebuah perniagaan.

2.2.2 | Trend Menurun

Trend menurun dalam persekitaran perniagaan menunjukkan aktiviti dan operasi perniagaan semakin menurun.



Rajah 2.12 Graf perniagaan menurun

(a) Faktor Dalaman

Faktor dalaman termasuk gaya pengurusan yang tidak bersesuaian dengan keadaan pekerja, sumber manusia yang kurang produktif, aktiviti pemasaran yang kurang berkesan, pengeluaran yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan dan tiada teknologi maklumat dan penyelidikan. Hal ini menyebabkan sesebuah perniagaan menjadi semakin merosot.

(b) Faktor Luaran

Trend menurun turut dipengaruhi oleh keadaan ekonomi yang lembap atau perlahan. Situasi ini juga disebabkan oleh keadaan politik dan perundangan sesebuah negara yang tidak stabil. Selain itu, bencana alam juga akan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah. Kesannya, aktiviti pengeluaran akan terjejas.

2.2.3 | Trend Mendatar

Persekitaran perniagaan trend mendatar menggambarkan keadaan konsisten dalam perniagaan. Trend ini berlaku disebabkan oleh tiada perubahan yang ketara berlaku terhadap faktor dalaman dan faktor luaran perniagaan. Oleh itu, perkembangan perniagaan berada dalam keadaan malar.

Dalam hal ini, peniaga perlu memainkan peranan penting untuk meningkatkan aktiviti dan operasi untuk mengembangkan perniagaan. Sekiranya pasaran menjadi tepu, peniaga perlu meningkatkan daya saing dengan membuat penambahbaikan pada barang dan perkhidmatan sedia ada, mengeluarkan produk baharu atau mencari pasaran baharu.



Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:


Jelaskan cara menangani masalah trend mendatar dalam perniagaan.



Istilah Perniagaan

Pasaran tepu (*market saturation*):

Pasaran yang mengalami jumlah jualan yang statik.



Rajah 2.13 Carta perniagaan mendatar



Andaikan anda ialah peniaga nasi lemak, cadangkan penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah pasaran nasi lemak yang telah tepu di tempat anda.



Minda Kreatif

Jelaskan jenis pasaran yang wujud di kawasan anda.



Buletin Keusahawanan

Faedah-faedah memasarkan produk perniagaan di Internet:

- **Masa perniagaan fleksibel**
Perniagaan boleh dijalankan 24 jam dan 7 hari seminggu. Tidak seperti kedai biasa yang hanya beroperasi jam 7 pagi hingga jam 8 malam.
- **Komunikasi pantas**
Anda boleh berkomunikasi terus di Internet. Sediakan borang pertanyaan di laman sesawang anda dan pastikan anda respons dalam jangka masa yang terdekat.
- **Prospek perniagaan yang luas**
Anda dapat menyampaikan maklumat kepada prospek pelanggan yang tersangat ramai. Anda dapat memperkenalkan perniagaan kepada jutaan orang di Internet.

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada laman sesawang http://www.usahawan.com/strategi_bisnes)

2.2.4 | Pasaran

Pasaran merupakan suatu keadaan berlakunya urus niaga antara penjual dengan pembeli, pada suatu tingkat harga dan masa yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pada masa ini, pasaran boleh wujud secara dalam talian seperti e-dagang.

Terdapat beberapa jenis pasaran seperti yang berikut:

- 1 **pasaran untuk semua (*mass market*)**
Produk yang dikeluarkan adalah untuk ditawarkan kepada semua pengguna seperti sabun pencuci dan sos tomato.
- 2 **pasaran produk**
Berkaitan dengan permintaan dan penawaran semua jenis produk seperti makanan, pelancongan dan perumahan.
- 3 **pasaran kewangan**
Berkaitan dengan jual beli saham dan sekuriti, pertukaran wang asing, pinjaman dan pelaburan.



Gambar foto 2.14 Pasaran perniagaan

Kajian Kes

Tajuk: Proton Iriz



Proton Iriz juga dikenali sebagai *Proton Global Small Car (GSC)* dan *Proton Compact Car (PCC)*. Di Malaysia, Proton Iriz bersaing dengan Proton Myvi yang telah menjuarai kereta terlaris di Malaysia lapan tahun berturut-turut. Di samping itu, Proton Iriz juga bersaing dengan pengeluar

kereta dari luar negara seperti Toyota Prius, Daihatsu, Honda Jazz dan Hyundai i20. Berdasarkan kes tersebut, jelaskan peranan kerajaan untuk membantu Proton Iriz menghadapi persaingan pasaran kereta di Malaysia.

2.2.5 Trend Guna Tenaga, Pendapatan dan Pertumbuhan Ekonomi

Apabila ekonomi berkembang, permintaan daripada pengguna dari dalam dan luar negara akan meningkat. Sektor perniagaan akan meningkatkan kuantiti pengeluaran produk bagi memenuhi permintaan yang terus meningkat.

Perbelanjaan kerajaan juga akan terus meningkat kerana pendapatan kerajaan meningkat ekoran daripada peningkatan pembayaran cukai. Langkah kerajaan meningkatkan perbelanjaan adalah bagi tujuan memacu perkembangan ekonomi negara.

(a) Trend Guna Tenaga

Guna tenaga ialah **pekerja yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam sesuatu pekerjaan**. Jika guna tenaga yang sedia ada tidak digunakan, hal ini akan mewujudkan masalah pengangguran.



Buletin Keusahawanan

Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan idea terbaik yang telah berjaya mengukuhkan ekonomi negara.

Bidang Profesional

Negara maju terkenal dalam bidang industri dan perkhidmatan. Oleh itu, kebanyakan negara maju memiliki ramai pekerja berkemahiran tinggi.



 **Gambar foto 2.15** Aktiviti pelantar minyak

Aktiviti Pembinaan

- Mengutamakan penggunaan modal dalam menjalankan aktiviti pekerjaan seperti menggunakan mesin, komputer, perkakas, robot dan teknologi.
- Oleh itu, trend penggunaan tenaga pekerja negara maju semakin berkurangan, kesannya kadar upah yang dibayar lebih tinggi.



 **Gambar foto 2.16** Aktiviti pembinaan

(i) Pembangunan Negara




 **Gambar foto 2.17** Ladang kelapa sawit

Aktiviti pengeluaran

- Banyak terlibat dalam aktiviti sektor utama seperti pertanian dan hasil semula jadi. Oleh itu, pekerja ini tidak mempunyai kemahiran yang tinggi.
- Mengutamakan penggunaan tenaga pekerja manusia dalam menjalankan aktiviti pekerjaan.



 **Gambar foto 2.18** Pengumpulan kelapa sawit di kilang

Bidang penyelidikan

- Mempelbagaikan sektor ekonomi dengan menceburi sektor perindustrian dan perkhidmatan bagi mengurangkan kebergantungan pada sektor utama.
- Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) agar berkembang seiring dengan negara maju.



Minda Kreatif


Jelaskan cara Malaysia dapat menangani masalah ketidaktentuan ekonomi negara dan dunia pada masa ini.



 **Gambar foto 2.19** Penyelidikan kelapa sawit

(ii) Perubahan dalam Guna Tenaga

Perkembangan teknologi telah berjaya membantu ramai usahawan mengembangkan aktiviti perniagaan mereka.



Rajah 2.14 Perubahan dalam guna tenaga



Rajah 2.15 Transformasi aktiviti penanaman padi



Arahan:

Bincang dalam kumpulan dan bantangkan dalam kelas.

Soalan:

Sebagai seorang usahawan, bagaimanakah anda membentuk diri menjadi usahawan yang berdaya saing dalam pasaran?



Minda Kreatif

Jelaskan cara melahirkan guna tenaga yang kreatif dan inovatif.



Buletin Keusahawan



Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) menawarkan pelbagai program keusahawanan bagi membantu golongan bumiputera untuk terus maju dalam bidang perniagaan agar berjaya seiring dengan kaum lain di Malaysia.



Celik Kewangan

Setiap individu perlu memastikan simpanan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah pendapatan kasar setiap bulan dijadikan keutamaan.



Buletin Keusahawanan



Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)

Program TUBE merupakan inisiatif kerajaan bagi menggalakkan generasi belia menceburi bidang perniagaan. Program ini menyokong dasar pembangunan belia negara yang mana keusahawanan merupakan antara bidang tumpuan utama untuk belia maju ke hadapan. Program ini menasarkankan golongan belia bumiputera yang berumur antara 18 hingga 30 tahun yang mempunyai minat mendalam untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada laman sesawang <http://tube.smecorp.gov.my/>, capaian pada 22 September 2016)



Minda Kreatif

Jelaskan kaedah menguruskan perniagaan ketika menghadapi situasi di luar jangka seperti kemelesatan ekonomi.

(b) Trend Pendapatan

Untuk memenuhi peningkatan permintaan barang dalam pasaran, perniagaan akan meningkatkan pengeluaran barang. Perniagaan akan memperoleh peningkatan pendapatan melalui peningkatan hasil jualan.

Keuntungan dalam perniagaan diperoleh melalui hasil jualan ditolak dengan kos dan perbelanjaan perniagaan yang sedang dijalankan. Perniagaan yang beroperasi dengan cekap memberi keuntungan maksimum terhadap perniagaan.

Selain hasil jualan produk, perniagaan juga boleh mendapat sumber pendapatan daripada aktiviti sampingan yang lain seperti yang berikut:

- penyewaan bangunan,
- dividen daripada pelaburan saham dan
- faedah daripada simpanan wang di bank.

Perniagaan Buku Sdn. Bhd. Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 20XX

	RM	RM	RM
Jualan		1,953,252	
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		1,688,322	
Untung Kasar			264,930 (i)
<i>Tolak:</i> Perbelanjaan			
<u>Belanja Pentadbiran</u>			
Gaji	80,200		
Sewa	10,000		
Insurans	4,200		
Alat Tulis	2,223		
Belanja Am	2,500		
Penyelenggaraan	4,123		
Susut Nilai Perabot	2,500		
Bil Elektrik, Air dan Telefon	3,812	109,558 (a)	
<u>Belanja Pemasaran</u>			
Promosi	19,500		
Penghantaran	38,200		
Belanja Kewangan	13,500		
Susut Nilai Kenderaan	7,000	78,200 (b)	
<u>Belanja Kewangan</u>			
Faedah Pinjaman		4,200 (c)	
Jumlah Perbelanjaan (a + b + c)			191,958 (ii)
Untung Bersih Sebelum Cukai (i - ii)			72,972

Rajah 2.16 Contoh penyata pendapatan

(c) Pertumbuhan Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi menyebabkan perniagaan berkembang dengan pesat. Keuntungan dalam perniagaan yang meningkat akan menyebabkan perniagaan membayar cukai keuntungan yang tinggi kepada kerajaan.

Sementara itu, penduduk juga akan mendapat pendapatan daripada gaji dan upah yang semakin meningkat, dengan jumlah cukai pendapatan yang dibayar oleh pekerja turut meningkat.

Kerajaan akan menggunakan pendapatan yang diperoleh untuk membangunkan negara termasuk dalam bidang ekonomi. Perkembangan ekonomi pesat dalam sesebuah negara akan mendorong perkembangan sesebuah perniagaan.



 **Gambar foto 2.20**
Pengurusan pembangunan



 **Gambar foto 2.21** Aktiviti pembinaan

Contoh

Pada tahun 1930-an, 1980-an, 1998 dan 2009, negara kita pernah mengalami masalah kemelesetan ekonomi. Pada masa itu, pertumbuhan ekonomi negara adalah perlahan serta memberikan kesan negatif kepada perkembangan perniagaan. Dengan inisiatif dan usaha bersungguh-sungguh pihak kerajaan Malaysia serta mendapat kerjasama penuh daripada rakyat Malaysia, ekonomi negara berada di landasan yang baik seperti pada tahun 1999 dan tahun 2000 tetapi berkembang dengan perlahan pada tahun 2001 disebabkan oleh masalah kemelesetan ekonomi global.

Berdasarkan contoh di atas, boleh disimpulkan bahawa trend persekitaran pertumbuhan ekonomi terbahagi kepada dua, iaitu kemerosotan dan perkembangan. Jika trend kemerosotan, negara akan menghadapi cabaran untuk memulihkan keadaan ekonomi.

Celik Kewangan

Perniagaan perlu bijak membuat pinjaman dengan memilih institusi kewangan yang telah disahkan dan diluluskan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).



EMK

Arahan:

- 1 Bentukkan kelas kepada kumpulan kecil.
- 2 Jalankan proses atau aktiviti sumbang saran.
- 3 Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

- 1 Jelaskan pengaruh kitaran ekonomi kepada perkembangan sesebuah organisasi perniagaan.
- 2 Jelaskan kaedah menjadikan pengaruh positif seperti ketika ekonomi melambung sebagai peluang mengukuhkan operasi perniagaan yang dijalankan.




Istilah Perniagaan

Fasa (phase):

Tahap atau peringkat perkembangan sesuatu keadaan perniagaan atau ekonomi.

Kitaran ekonomi boleh digambarkan melalui Rajah 2.17 seperti yang berikut:



Rajah 2.17 Graf kitaran ekonomi

Huraian**Fasa I: Fasa Kemelesetan**

Penduduk tidak mempunyai wang atau pendapatan yang mencukupi untuk membeli produk. Pendapatan kerajaan juga merosot ekoran jatuhnya pendapatan perniagaan dan pekerja.

Kadar pengangguran juga turut meningkat kerana perniagaan tidak dapat menawarkan pekerjaan yang menyebabkan wujudnya deflasi.

Fasa II: Fasa Melambung

Pada fasa ini, perniagaan akan menambah pengeluaran produk untuk memenuhi peningkatan penggunaan produk yang semakin meningkat.

Perniagaan juga memerlukan pekerja yang ramai untuk menjalankan aktiviti perniagaan serta mampu membayar gaji dan upah yang tinggi. Perniagaan juga akan mengorak langkah ke tahap antarabangsa termasuk aktiviti eksport dan pelaburan di luar negara.

2.2.6 | Undang-undang Perniagaan

Undang-undang merupakan suatu **peraturan yang termaktub dan ditentukan oleh sesebuah masyarakat untuk mengawal kelakuan dan tingkah laku anggota sendiri**. Dalam konteks negara Malaysia, Parlimen memainkan peranan untuk menggubal undang-undang untuk peringkat Persekutuan manakala Dewan Undangan Negeri (DUN) pula menggubal undang-undang untuk peringkat negeri dan kerajaan tempatan.

Undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan digubal dan dilaksanakan dengan tujuan untuk memastikan setiap aktiviti perniagaan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan memberikan kesan positif terhadap persekitaran perniagaan. Setiap perniagaan yang dijalankan adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang tersendiri. Hal ini termasuk aspek undang-undang berkaitan dengan penubuhan dan operasi. Perkara yang terdapat dalam organisasi perniagaan mengikut kerangka perundangan adalah seperti berikut:

Peta MINDA



Rajah 2.18 Organisasi perniagaan dalam kerangka perundangan



Cintai Negara

Setiap undang-undang perlu dipelihara kedaulatannya supaya persekitaran yang aman dapat diwujudkan.

Berdasarkan Rajah 2.19, undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan boleh memberikan kesan terhadap aspek persekitaran yang berikut:

Kesihatan dan keselamatan

- Aspek kesihatan dan keselamatan berkaitan dengan peraturan kebakaran dan perlindungan pemakanan pekerja.
- Undang-undang memastikan organisasi perniagaan mematuhi peraturan keselamatan dalam menjalankan operasi perniagaan.

Pekerjaan

- Undang-undang yang berkaitan dengan aspek pekerjaan ialah menekankan kadar upah minimum, tempoh waktu bekerja dan diskriminasi pekerjaan.
- Undang-undang melarang perniagaan mengamalkan diskriminasi terhadap pekerja berdasarkan kaum, agama dan jantina dengan mengeratkan perpaduan dan semangat kerjasama dalam kalangan rakyat Malaysia.

Maklumat

- Pada abad ke-21, dunia mengalami ledakan maklumat yang membolehkan maklumat mudah diperolehi dan boleh dicapai dengan cepat.
- Dengan itu, undang-undang perlindungan maklumat penting untuk mengelakkan berlakunya cetak rompak dan perlindungan data sulit daripada diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Perancangan

- Perniagaan memerlukan bangunan sebagai premis untuk menjalankan operasi perniagaan seperti bangunan kilang kereta Proton untuk mengeluarkan kereta nasional negara di Malaysia.
- Di Malaysia, lesen perniagaan diperolehi berdasarkan undang-undang Persekutuan sementara bangunan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Perlindungan pengguna

- Undang-undang perlindungan pengguna bertujuan untuk melindungi hak-hak pengguna daripada amalan perniagaan yang menyalahi undang-undang.
- Perniagaan perlu mengeluarkan produk yang sesuai dengan tujuan penggunaan seperti barangan makanan yang tidak mengandungi pengawet yang boleh menjejaskan kesihatan.

Persaingan

- Sistem ekonomi negara menggalakkan unsur persaingan dengan harga yang berdaya saing untuk memberikan faedah yang besar kepada pengguna.
- Untuk mewujudkan persaingan yang sihat, undang-undang diperlukan untuk mengawal aktiviti persaingan, iaitu dalam persaingan harga, pasaran dan antarabangsa.

Pengiklanan

- Aktiviti pengiklanan merupakan satu komponen dalam campuran promosi yang menyebarkan maklumat produk kepada pengguna dengan menggunakan media massa.
- Undang-undang berkaitan dengan pengiklanan perlu digubal atau meminda undang-undang sedia ada supaya sesuai dengan keperluan semasa.

Undang-undang Syarikat

- Undang-undang diwujudkan sebagai garis panduan untuk memulakan dan menjalankan operasi sesebuah perniagaan.
- Butiran undang-undang syarikat berkaitan dengan entiti perniagaan termasuklah aspek pengurusan dan bidang kuasa pihak pengurusan yang ada dalam organisasi.

Persekitaran

Aktiviti perniagaan pada masa ini memerlukan inisiatif penggubalan undang-undang berkaitan alam sekeliling dengan mengambil kira kepentingan masyarakat termasuklah pengurusan perniagaan dalam pembuangan sisa pengeluaran yang berbahaya kepada manusia.

- Akta Kontrak 1950
- Akta Jualan Barangan 1957
- Akta Sewa Beli 1967
- Akta Perkongsian 1961 (Pindaan 1974)
- Akta Syarikat 1965 (Pindaan 1992)
- Akta Kerja 1955 (Pindaan 1980)
- Akta Perhubungan Industri 1967 (Pindaan 1980)
- Akta Hak Cipta 1987

Rajah 2.19 Persekitaran perniagaan dari aspek undang-undang



Aktiviti Kumpulan Kreatif dan Inovatif

- 1 Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diberikan satu tajuk akta perniagaan. Contohnya, Akta Kerja 1955, Akta Syarikat 1965 dan Akta Perkongsian 1961.
- 3 Ahli kumpulan dikehendaki mendapatkan naskhah akta berkenaan atau maklumat yang berkaitan sama ada melalui Internet atau perpustakaan.
- 4 Kenal pasti skop atau kandungan utama dalam akta tersebut.
- 5 Bentangkan hasil dapatan kumpulan anda dalam kelas dengan menggunakan idea dan kreativiti masing-masing.
- 6 Kemukakan soalan kepada rakan-rakan anda pada akhir sesi pembentangan bagi memastikan rakan-rakan anda memahami setiap fakta yang telah anda sampaikan.

2.3 Analisis Faktor-faktor yang Membawa Perubahan kepada Persekitaran Perniagaan



Celik Kewangan

Kunci utama dalam meningkatkan kekayaan ialah berbelanja kurang daripada pendapatan tidak kira waktu ekonomi melambung atau meleset.

Sesuatu perubahan yang berlaku di persekitaran dunia perniagaan tidak kira kecil atau besar boleh memberi kesan kepada sesebuah syarikat perniagaan. Para usahawan perlu sentiasa peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku di luar kerana perubahan itu boleh memberi kesan yang besar kepada perniagaan mereka.

Faktor ini terbahagi kepada dua, iaitu faktor dalaman dan luaran. Kedua-dua faktor ini boleh dianalisis dengan menggunakan analisis kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT). Analisis SWOT merupakan **analisis persekitaran keseluruhan yang melibatkan organisasi dalam aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman**. Analisis SWOT digunakan untuk memastikan strategi yang digubal itu benar-benar berkemampuan untuk merealisasikan objektif, misi dan visi perniagaan.

2.3.1 | Faktor Dalaman

Faktor dalaman merujuk pada **faktor-faktor yang dimiliki oleh syarikat yang boleh memberi kekuatan dan kelemahan kepada sesebuah organisasi**. Faktor dalaman terdiri daripada faktor yang berkaitan dengan gaya pengurusan, sumber manusia, pemasaran, pengeluaran, kewangan dan teknologi maklumat serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

(a) Gaya Pengurusan

Gaya pengurusan ialah **teknik mengurus sesebuah perniagaan** yang akan memacu pertumbuhan perniagaan. Gaya pengurusan memainkan peranan penting dalam membentuk persekitaran yang kondusif dan produktif.

Terdapat beberapa gaya pengurusan yang diamalkan dalam perniagaan. Penerangan ringkas tentang gaya pengurusan dalam perniagaan ditunjukkan dalam Rajah 2.20 yang berikut:




EMK

Arahan:

- 1 Bentukkan kelas kepada kumpulan kecil.
- 2 Jalankan proses atau aktiviti sumbang saran.
- 3 Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Jelaskan kelebihan dan kekurangan yang wujud dalam faktor dalaman kepada sesebuah organisasi perniagaan.



Rajah 2.20 Grid pengurusan

(i) Gaya pengurusan *laissez-faire* (1,1)

Gaya pengurusan *laissez-faire* menunjukkan majikan terlalu memberi ruang atau kebebasan kepada pekerja mereka. Hal ini mewujudkan masalah tingkah laku pekerja yang sukar dikawal. Hal ini seterusnya menyebabkan organisasi gagal mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

(ii) Gaya pengurusan sokongan (1,9)

Gaya pengurusan sokongan menunjukkan tahap perhubungan yang baik telah terjalin antara majikan dengan pekerja. Walau bagaimanapun, masih wujud risiko kegagalan dalam tindakan daripada majikan bagi mempengaruhi pekerja untuk berusaha membantu perniagaan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

(iii) Gaya pengurusan sederhana (5,5)

Gaya pengurusan sederhana menunjukkan tindakan majikan yang bijak dalam menjaga hubungan dengan pekerja mereka. Tindakan tersebut diambil bagi tujuan memberi motivasi kepada pekerja agar berusaha untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

(iv) Gaya pengurusan autokratik (9,1)

Gaya pengurusan autokratik menunjukkan tindakan majikan yang tegas dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, gaya pengurusan seperti ini berpotensi untuk menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan sesetengah pekerja.



Cintai Negara

Setiap perniagaan perlu menjalankan sistem pengurusan secara adil dan saksama dengan mengambil kira kepentingan semua pihak.



EMK

Arahan:

Bentangkan dalam kelas.

Soalan:

Berdasarkan trend semasa dalam perniagaan dan situasi ekonomi semasa, jelaskan gaya pengurusan masa kini yang berupaya memacu pertumbuhan perniagaan ke arah yang lebih baik.



Minda Kreatif

Jelaskan kaedah menguruskan perniagaan dengan cara yang baik dan berkesan.



Celik Kewangan

Setiap pekerja perlu didedahkan dengan pengurusan kewangan bagi memastikan pekerja tidak terbeban dengan masalah kewangan sehingga menjejaskan produktiviti mereka.



QR Code

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF)

<http://www.hrdf.com.my>



Minda Kreatif

Jelaskan secara ringkas **tiga** kumpulan pekerja mengikut peringkat kemahiran.

(v) Gaya pengurusan demokratik (9,9)

Gaya pengurusan demokratik menunjukkan tindakan majikan mengamalkan toleransi dan menjalinkan hubungan yang baik dengan pekerja dalam semua aspek. Gaya pengurusan jenis ini berupaya mempengaruhi pekerja terus berusaha untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

(b) Sumber Manusia

Sumber manusia ialah **fungsi perniagaan yang memberi fokus kepada keperluan tenaga kerja semasa termasuk pengurusan pembahagian kerja dan menambah baik tenaga kerja sedia ada**. Sumber manusia yang mencukupi dan baik akan menjadikan persekitaran perniagaan lebih berkesan dan berdaya saing. Sumber manusia dibahagikan kepada dua, iaitu sumber dalaman dan luaran.

(i) Sumber Manusia Dalaman

Sumber dalaman merujuk pada **pekerja yang sedang berkhidmat dalam sesebuah organisasi perniagaan**. Penggunaan sumber dalaman akan mengurangkan kos perniagaan dan memudahkan proses pengambilan dengan merujuk rekod pekerja sedia ada. Kelebihan dan kekurangan pengambilan pekerja melalui sumber dalaman ditunjukkan di dalam Jadual 2.2 yang berikut:

Jadual 2.2 Kelebihan dan kekurangan sumber manusia dalaman

Kelebihan	Kekurangan
<ul style="list-style-type: none"> • Memotivasikan pekerja Pekerja akan lebih bermotivasi untuk bekerja kerana wujud kemungkinan untuk kenaikan pangkat 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak membawa idea baharu Organisasi tidak memperoleh idea baharu daripada pekerja
<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja lebih memahami budaya organisasi Pekerja sudah memahami budaya organisasi, maka program induksi tidak perlu dijalankan 	<ul style="list-style-type: none"> • Kekosongan jawatan Berlaku jika pekerja dinaikkan pangkat atau berhenti kerja
<ul style="list-style-type: none"> • Maklumat pekerja sedia ada Maklumat dan prestasi pekerja sudah diketahui oleh majikan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengetahuan stereotaip Pekerja yang telah lama berkhidmat di syarikat mungkin akan mempunyai pengetahuan stereotaip

(ii) Sumber Manusia Luaran

Sumber luaran merujuk pada **pengambilan pekerja dari luar organisasi**. Penggunaan sumber luaran memerlukan proses yang lebih rumit dan kos tertentu termasuk pengiklanan dan lain-lain. Kebaikan dan kekurangan pengambilan pekerja melalui sumber luaran ditunjukkan di dalam Jadual 2.3 yang berikut:

Jadual 2.3 Kelebihan dan kekurangan sumber manusia luaran

Kelebihan	Kekurangan
<ul style="list-style-type: none"> • Melahirkan idea baharu Pekerja baharu akan membawa idea baharu 	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan program induksi Pekerja perlu diberikan program induksi untuk menyesuaikan diri dengan keadaan tempat kerja
<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran baharu Pekerja baharu mempunyai kemahiran baharu dan terkini 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil masa untuk memahami budaya organisasi Pekerja memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan budaya kerja organisasi
<ul style="list-style-type: none"> • Semangat Pekerja baharu akan mempunyai semangat yang berkobar-kobar untuk menjalankan tugas 	<ul style="list-style-type: none"> • Kos merekrut yang tinggi Organisasi perlu membelanjakan kos yang tinggi untuk pengambilan pekerja baharu

(c) Pemasaran

Pemasaran merupakan **satu sistem aktiviti sesebuah perniagaan yang dibentuk dalam merancang dan melaksanakan strategi produk, penentuan harga, promosi dan pengedaran barang atau perkhidmatan**. Objektif pemasaran ialah untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna dalam mencapai objektif organisasi perniagaan.

Perniagaan juga boleh menggunakan elemen-elemen yang terdapat dalam campuran pemasaran untuk mempengaruhi permintaan terhadap barang dan perkhidmatan yang ditawarkan. Elemen dalam campuran pemasaran ditunjukkan dalam Jadual 2.4 yang berikut:



Pilih satu perniagaan yang terdapat di tempat tinggal anda. Berdasarkan persekitaran perniagaan di tempat anda, kenal pasti faktor-faktor yang membolehkan perniagaan tersebut terus berdaya saing.



Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Jelaskan cara meningkatkan produktiviti sumber manusia dalam perniagaan.



Minda Kreatif

Jelaskan kaedah mendapatkan sumber manusia yang memenuhi keperluan operasi perniagaan.



Cintai Negara

Aktiviti pemasaran perlu mengutamakan promosi barang atau perkhidmatan keluaran tempatan berbanding dengan barang atau perkhidmatan import.



QR Code

Campuran pemasaran

[http://ecrim.ptsb.edu.my/
file/20141106092106.pdf](http://ecrim.ptsb.edu.my/file/20141106092106.pdf)

Jadual 2.4 Campuran pemasaran

Elemen	Keterangan	
Produk	<ul style="list-style-type: none"> Tahap kualiti Reka bentuk Gaya dan jenama 	<ul style="list-style-type: none"> Pembungkusan Saiz produk Jaminan produk
Pengedaran	<ul style="list-style-type: none"> Saluran pengedaran Kawasan pengedaran 	<ul style="list-style-type: none"> Kadar inventori Pengangkutan Lokasi syarikat
Promosi	<ul style="list-style-type: none"> Kaedah pengiklanan Pendekatan jualan 	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti promosi Program publisiti
Harga	<ul style="list-style-type: none"> Harga yang ditetapkan Kadar diskaun 	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh bayaran jualan kredit Kemudahan kredit

(d) Pengeluaran

Pengeluaran merupakan satu proses **menghasilkan barang atau perkhidmatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia yang tidak terhad**. Pengeluaran melibatkan proses mengubah input kepada output melalui aktiviti tambah nilai.

(e) Kewangan

Faktor kewangan dan perakaunan merujuk pada struktur kewangan perniagaan. Faktor kewangan dan perakaunan ini bergantung pada kaedah perniagaan menjalankan urus niaga dan sistem kewangan yang diamalkan dalam perniagaan. Faktor kewangan juga berkaitan tentang sumber pendapatan serta peluang-peluang pelaburan perniagaan.

(f) Teknologi Maklumat

Perkembangan dalam sistem teknologi maklumat telah mengubah cara komunikasi dan hubungan antara peniaga dengan pembekal, pelabur dan pelanggan. Maklumat lebih mudah diperoleh dan disampaikan melalui Internet. Perkembangan dalam teknologi maklumat membolehkan proses pencapaian, penghantaran dan penyimpanan maklumat menjadi lebih teratur. Hal ini seterusnya membantu dan memudahkan proses membuat keputusan. Selain itu, pasaran perniagaan bagi barang dan perkhidmatan menjadi lebih meluas.

(g) Penyelidikan dan Pembangunan

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) merupakan **aktiviti kreatif dan inovatif yang dijalankan secara sistematik** bagi



EMK

Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Jelaskan teknik mengawal perbelanjaan terbaik bagi memastikan kos pengeluaran dapat dikurangkan.



Cintai Negara

Penggunaan teknologi maklumat pada masa ini perlu digunakan secara berhemah dan bijak dengan mengutamakan kepentingan negara.

meningkatkan pengetahuan dan hasil sedia ada kepada pembangunan dan penciptaan produk baharu yang bermanfaat. Penyelidikan pemasaran perlu dilakukan untuk memastikan barang yang dikeluarkan mampu mendapat tempat dalam pasaran. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) penting kepada sesebuah perniagaan untuk meningkatkan kualiti barang atau perkhidmatan bagi memenuhi cita rasa dan kehendak pengguna yang sentiasa berubah-ubah.

2.3.2 | Faktor Luaran

Faktor luaran merujuk pada **faktor yang boleh memberi peluang dan ancaman kepada sesebuah syarikat**. Faktor-faktor luaran yang mempengaruhi perniagaan terdiri daripada faktor politik, ekonomi, sosiobudaya, teknologi, ekologi dan undang-undang. Kebiasaannya, faktor luaran berada di luar kawalan syarikat.

(a) Politik

Keputusan dalam sesebuah perniagaan turut dipengaruhi oleh perkembangan politik. Setiap dasar yang ditetapkan oleh sesebuah kerajaan mempengaruhi persekitaran perniagaan. Kerajaan boleh meluluskan undang-undang yang membawa kesan positif atau negatif yang dihadapi oleh sesebuah perniagaan.

Contoh

Cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada kadar enam peratus (6%) telah diperkenalkan pada 1 April 2015. Antara kesan GST kepada peniaga ialah mereka perlu mengeluarkan modal bagi membeli perisian kewangan berkaitan GST.



 **Gambar foto 2.22** Persidangan Dewan Rakyat

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada laman sesawang https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Dewan_Rakyat_Malaysia.jpg, capaian pada 22 September 2016)



EMK

Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Jelaskan cara menjadikan peluang yang wujud dalam persekitaran luaran sebagai kelebihan kepada perniagaan.



Buletin Keusahawanan



- Bermula 1 April 2015, cukai barang dan perkhidmatan (GST) dikenakan atas produk tertentu.
- Cukai ini telah membantu menambah sumber pendapatan negara.



QR Code

Parlimen Malaysia

<http://www.parlimen.gov.my>

**EMK**

Arahan:
Bentangkan dalam kelas.

Soalan:
Jelaskan cara menggunakan perkembangan teknologi untuk melicinkan aktiviti perniagaan.

**Celik Kewangan**

Perbelanjaan secara berhemah perlu dijadikan sebagai amalan yang konsisten bagi memastikan keadaan kewangan sentiasa berada dalam keadaan kukuh dan baik.

(b) Ekonomi

Faktor ekonomi mempengaruhi kuasa beli dan gaya perbelanjaan pengguna. Pendapatan meningkat bermakna kuasa beli turut meningkat. Apabila keadaan sesuatu ekonomi itu baik, prestasi perniagaan juga menjadi baik.

Contoh

Pada tahun 2015, Malaysia sekali lagi dilanda kemelesetan ekonomi, pelbagai industri seperti perhotelan dan automobil turut terjejas kerana pengguna hanya berbelanja untuk keperluan sahaja.

(c) Sosiobudaya

Cara hidup dan sosiobudaya yang diamalkan oleh pelanggan akan mempengaruhi permintaan terhadap barang dan perkhidmatan. Komposisi etnik yang terdapat di Malaysia seperti Melayu, Cina, India serta bumiputera Sabah dan Sarawak membentuk corak permintaan terhadap keluaran. Sikap pengguna terhadap sesuatu barang dan perkhidmatan berubah mengikut masa.

Contoh

Pandangan terhadap gaya hidup sihat telah berubah menjadi sesuatu yang penting untuk semua pada masa kini berbanding dengan 10 tahun yang lalu. Kesannya, perniagaan barang dan perkhidmatan berasaskan kesihatan telah berkembang pesat. Pusat kecergasan dan produk-produk kesihatan mengalami pertumbuhan yang positif.

(d) Teknologi


Perubahan dalam teknologi mewujudkan peluang dan pasaran baharu yang lebih banyak kepada usahawan. Perkembangan teknologi membolehkan barang dan perkhidmatan baharu ditawarkan kepada pengguna.

Teknologi baharu menjadikan barang dan perkhidmatan sedia ada ditawarkan pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Perkembangan dalam teknologi komputer membolehkan barang dan perkhidmatan disampaikan dengan lebih efisien kepada pengguna.

Contoh

Perkhidmatan perbankan sudah mengalami perubahan teknologi. Pengguna kini boleh menggunakan perkhidmatan perbankan 24 jam tanpa mengambil kira lokasi mereka berada.



 **Gambar foto 2.23** Mesin pengeluaran wang automatik (ATM) 24 jam

(e) Ekologi

Ekologi melibatkan isu alam sekitar yang memberi kesan kepada perniagaan. Ekologi melibatkan beberapa perkara seperti sumber bahan mentah, sumber tenaga, kadar pencemaran serta campur tangan kerajaan dalam pengurusan sumber semula jadi.

Sumber semula jadi sedia ada yang terhad menjadi semakin berkurangan berbanding dengan permintaan yang memerlukan penyelesaian untuk masalah tersebut. Pelbagai agensi telah melakukan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan produk baharu untuk menggantikan atau mengurangkan penggunaan sumber semula jadi.

Contoh

Teknologi solar lebih mesra alam dan bersih. Teknologi ini lebih murah berbanding dengan sumber tenaga lain.



 Gambar foto 2.24 Teknologi solar

(f) Undang-undang

Faktor undang-undang juga boleh mempengaruhi persekitaran perniagaan. Setiap organisasi perniagaan memerlukan peraturan dan undang-undang untuk melindungi semua pihak termasuk masyarakat dan alam sekitar. Undang-undang juga dapat mewujudkan persaingan yang sihat dan melindungi pengguna daripada penyelewengan peniaga yang tidak bertanggungjawab.



Minda Kreatif

Jelaskan kepentingan undang-undang dalam mengawal operasi sesebuah perniagaan.

2.3.3 | Analisis Faktor Dalaman dan Faktor Luaran

Analisis faktor dalaman dan luaran terhadap sesebuah organisasi perniagaan boleh dilakukan dengan menggunakan analisis SWOT. Analisis SWOT merupakan salah satu kaedah menganalisis yang digunakan dalam perancangan dan persediaan dalam sesuatu perniagaan. SWOT ialah singkatan kepada perkataan *Strengths* (Kekuatan), *Weaknesses* (Kelemahan), *Opportunities* (Peluang) dan *Threats* (Ancaman).

Objektif analisis SWOT ini adalah bertujuan untuk menilai kesan perubahan persekitaran dalaman dan luaran yang boleh mempengaruhi aktiviti organisasi perniagaan. Selain itu, analisis SWOT juga dapat membantu organisasi merancang aktiviti perniagaan secara lebih sistematik. Kekuatan dan kelemahan merupakan komponen analisis faktor dalaman manakala peluang dan ancaman ialah komponen untuk analisis faktor luaran.



EMK

Arahan:
Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:
Jelaskan peranan analisis SWOT dalam memastikan faktor dalam dan luaran kepada perkembangan dan kemajuan perniagaan.



Cintai Negara

Pada 2 Oktober 2002, jemaah menteri telah meluluskan Dasar Alam Sekitar Negara bertujuan meneruskan kemajuan, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada laman sesawang <http://www.doe.gov.my>)



EMK

Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Jelaskan kaedah menjadikan faktor luaran sebagai sumber idea dalam memaksimumkan keuntungan perniagaan.



Pilih satu perniagaan yang terdapat di tempat tinggal anda. Kenal pasti peluang dan ancaman yang wujud dan dihadapi oleh perniagaan tersebut. Kemudian, jelaskan cara yang boleh digunakan oleh perniagaan bagi menggunakan peluang yang wujud agar dapat memajukan perniagaan yang sedang dijalankan. Seterusnya, berikan cadangan terbaik menghadapi ancaman yang wujud bagi memastikan perniagaan dapat berdaya saing dalam pasaran.

(a) Analisis Faktor Dalam

Analisis faktor dalaman ialah penilaian secara terperinci tentang kekuatan dan kelemahan dalam sesebuah organisasi perniagaan. Antara faktor dalaman yang boleh dianalisis dan dinilai ialah struktur organisasi, budaya kerja, sumber kewangan, kecekapan pengeluaran, kualiti pengeluaran dan sumber manusia.

(i) Kekuatan

Kekuatan ialah keupayaan dan kemampuan yang dimiliki oleh perniagaan untuk bersaing. Contoh kekuatan ialah jenama yang popular, paten, hubungan baik dengan pelanggan, sumber kewangan yang kukuh dan lain-lain.

(ii) Kelemahan

Kelemahan ialah kekurangan yang wujud dari aspek sumber tenaga, kepakaran dan bahan mentah. Jenama yang belum dikenali serta pekerja kurang berkemahiran juga boleh menghalang perniagaan mencapai prestasi yang baik.

(b) Analisis Faktor Luaran

Analisis faktor luaran ialah penilaian berkaitan dengan peluang dan ancaman yang wujud di persekitaran luaran perniagaan. Faktor-faktor luaran yang boleh dinilai adalah seperti pelanggan, persaingan, trend pasaran, pembekal, keadaan ekonomi, sosial, teknologi, politik dan perundangan.

(i) Peluang

Peluang ialah kelebihan yang diperoleh kesan daripada perubahan yang berlaku dalam persekitaran luaran perniagaan. Contohnya, kewujudan teknologi baharu dan perubahan cita rasa pelanggan.

(ii) Ancaman

Ancaman pula ialah sesuatu perubahan daripada persekitaran luaran perniagaan yang boleh membantutkan perkembangan perniagaan. Contohnya, muncul barang atau perkhidmatan pengganti daripada pesaing dan perubahan undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan.

(c) Cara Menggunakan Matriks SWOT

Berikut merupakan cara menggunakan matriks SWOT.



Rajah 2.21 Cara menggunakan matriks SWOT



Arahan:

Bentangkan dalam kelas.

Soalan:

Jelaskan peluang yang boleh diambil oleh koperasi atau kantin sekolah anda dalam memaksimumkan keuntungan yang diperolehi.

Analisis SWOT dibuat berdasarkan pada hubungan antara faktor dalaman, iaitu kekuatan dan kelemahan, terhadap faktor luaran, iaitu peluang dan ancaman.

Jadual 2.5 Kaedah menggunakan SWOT

Strategi	Huraian
Kekuatan-Peluang (S O)	Kekuatan merujuk pada keunikan yang ada pada faktor dalaman perniagaan yang boleh digunakan untuk merebut peluang yang wujud ekoran daripada perkembangan faktor luaran.
Kelemahan-Peluang (W O)	Kelemahan merujuk pada kekurangan yang dihadapi perniagaan disebabkan oleh faktor dalaman. Kelemahan ini boleh menggugat perkembangan perniagaan. Oleh itu, pihak pengurusan perniagaan perlu mengambil langkah yang proaktif supaya peluang perniagaan yang wujud disebabkan oleh faktor luaran dapat direbut oleh perniagaan.
Kekuatan-Ancaman (S T)	Kekuatan perniagaan yang dimiliki oleh faktor dalaman perniagaan dapat digunakan dalam strategi menghadapi ancaman yang wujud disebabkan oleh perkembangan faktor luaran.
Kelemahan-Ancaman (W T)	Kekurangan yang dihadapi oleh perniagaan seperti kekurangan tenaga pakar memberi ancaman kepada perniagaan ekoran tindakan pesaing dalam pasaran. Perniagaan perlu menjalinkan kerjasama dengan pihak lain supaya setiap kelemahan dapat diatasi.



Aktiviti Kumpulan Kreatif dan Inovatif

- 1 Pilih sebuah perniagaan bagi mengkaji dan menganalisis berdasarkan analisis SWOT.
- 2 Bahagikan kelas kepada empat kumpulan kecil.
- 3 Setiap kumpulan diberikan satu ciri SWOT, iaitu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman.
- 4 Lakukan aktiviti sumbang saran berdasarkan ciri SWOT yang telah ditetapkan.
- 5 Bentangkan dalam kelas.

2.4.2 | Kesan Perubahan dari Aspek Trend

Kesan perubahan dari aspek trend meliputi kesan terhadap guna tenaga, pendapatan dan pertumbuhan ekonomi.

(a) Guna Tenaga

Guna tenaga ialah **tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan**. Guna tenaga penuh ialah kadar pengangguran sumber tenaga pekerja berada pada paras empat peratus (4%) atau kurang. Pekerja memperoleh pendapatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam kehidupan dan menyebabkan wujudnya perkembangan perniagaan.

Bagi pihak kerajaan, sumber pendapatan negara diperoleh daripada pelbagai sumber seperti cukai yang dikenakan atas keuntungan sesebuah perniagaan dan pendapatan penduduk.

Jika trend penurunan dalam guna tenaga berlaku, hal ini bermakna kadar pengangguran akan meningkat.

(b) Pendapatan

Pendapatan persendirian ialah **jumlah nilai pendapatan yang diterima oleh individu dalam satu jangka masa tertentu, biasanya dalam masa satu tahun, sama ada daripada kegiatan produktif atau tidak produktif**. Pendapatan boleh guna yang meningkat akan merancakkan pertumbuhan ekonomi.

(c) Pertumbuhan Ekonomi

Trend pertumbuhan ekonomi negara yang semakin berkembang memberi kesan positif kepada perniagaan. Kerajaan berperanan memperkukuh tahap pertumbuhan ekonomi negara melalui pelaksanaan dasar tertentu seperti dasar fiskal dan dasar kewangan.

2.4.3 | Kesan Perubahan dari Aspek Undang-undang

Undang-undang yang telah diluluskan kerajaan berkaitan dengan pelbagai isu perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam perniagaan.



Arahan:

Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Berdasarkan keadaan ekonomi negara dan dunia pada masa ini, jelaskan kesan perubahan ekonomi kepada persekitaran perniagaan.



Celik Kewangan

Setiap individu perlu berani mencari sumber pendapatan tambahan dan tidak hanya bergantung pada sumber pendapatan sedia ada.



QR Code

Akta Persaingan 2010

<http://www.mycc.gov.my>

Kesan perubahan yang wujud dari aspek undang-undang adalah seperti yang berikut:

(a) Melindungi Perniagaan daripada Sebarang Penipuan

Dari semasa ke semasa kerajaan akan menggubal dan meminda undang-undang berkaitan dengan perniagaan untuk melindungi sesebuah organisasi perniagaan daripada unsur penipuan. Akta Kontrak 1950 memberi peruntukan dalam aspek perundangan berkaitan dengan elemen-elemen kontrak yang wujud supaya pihak-pihak perniagaan yang terlibat dapat mematuhi elemen kontrak yang telah dipersetujui.

Peruntukan Akta Kontrak 1950 menetapkan bahawa setiap perjanjian perlu wujud konsep balasan atas pihak yang membuat kontrak. Balasan merupakan faedah yang diperoleh semua pihak yang menjalankan urus niaga. Jika sesuatu pihak gagal mendapat balasan, hal ini menyebabkan sesuatu kontrak batal.

Contoh

Puan Nor Bahijah bersetuju untuk menjual sebuah rumah teres dengan harga sebanyak RM300,000 kepada Encik Ismat. Penjual rumah perlu menyerahkan rumah teres tersebut kepada pembeli setelah Encik Ismat menyelesaikan semua pembayaran sebanyak RM300,000. Selagi pembayaran tidak diselesaikan sepenuhnya, penjual tidak perlu menyerahkan rumah tersebut kepada pembeli untuk mengelakkan berlaku sebarang penipuan dalam urus niaga.



EMK

Arahan:

- 1 Bentukkan kelas kepada kumpulan kecil.
- 2 Jalankan proses atau aktiviti sumbang saran.
- 3 Bincangkan dalam kumpulan.

Soalan:

Jelaskan kaedah mewujudkan sistem perniagaan yang adil dan saksama dalam sesebuah organisasi perniagaan.

(b) Mewujudkan Sistem Perniagaan secara Adil

Setiap organisasi perniagaan tidak boleh lari daripada unsur persaingan yang wujud dalam pasaran. Oleh itu, persaingan untuk mendapatkan pembeli antara perniagaan akan wujud. Peruntukan undang-undang membolehkan sesebuah perniagaan mendapat hak dalam menjalankan aktiviti-aktiviti untuk mendapat hak persaingan yang sihat.

Akta Persaingan 2010 memberi peruntukan kepada sesebuah perniagaan bersaing secara adil serta mengelakkan daripada terlibat dalam perjanjian persaingan termasuk penyalahgunaan kedudukan dominan sesebuah perniagaan dalam pasaran.

Contoh

Syarikat besar luar negara menjalankan dasar lambakan untuk mengeluarkan perniagaan bersaiz kecil daripada pasaran. Dasar lambakan merupakan strategi perniagaan menjual produk dengan harga di bawah kos. Hal ini bermakna syarikat besar luar negara menjalankan aktiviti dalam keadaan kerugian dalam jangka masa pendek. Tujuan syarikat ini adalah untuk menyingkirkan perniagaan kecil dalam pasaran dalam jangka masa pendek. Dalam jangka panjang, syarikat besar luar negara akan menaikkan harga produk setelah perniagaan kecil tidak ada lagi dalam pasaran.

**Minda Kreatif**

Terangkan peranan kerajaan dalam memastikan setiap perniagaan dijalankan secara adil dalam pasaran.

(c) Melindungi Hak Semua Pihak di Dalam Perniagaan

Bagi mengelakkan berlakunya unsur peniruan dan mengambil hak cipta perniagaan daripada perniagaan lain, pihak kerajaan telah menggubal dan menguatkuasakan undang-undang bagi melarang perniagaan menggunakan hak **paten** perniagaan lain tanpa mendapat kebenaran. Akta Hak Cipta 1987 digubal bagi tujuan memberi perlindungan terhadap karya-karya sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi dan siaran. Perlanggaran hak cipta berlaku apabila perniagaan lain mengambil hak cipta tanpa mendapat kebenaran seperti menjual, mengeluarkan, memiliki dan menyalin bagi tujuan perniagaan.

Contoh

Syarikat Filem A telah menyalin semula filem yang dikeluarkan oleh Syarikat Filem B bertujuan untuk disiarkan dalam *Youtube* supaya mendapat keuntungan. Dengan itu, Syarikat Filem A telah melakukan kesalahan mengikut peruntukan undang-undang melalui Akta Hak Cipta 1987.

**Istilah Perniagaan****Paten (patent)**

Satu hak eksklusif yang dianugerahkan oleh pihak kerajaan untuk suatu reka cipta baharu, iaitu satu produk atau satu proses. Perlindungan Paten adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan.



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

Cari maklumat tentang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Kemudian jelaskan perkara yang berikut:

- 1 peranan MyIPO.
- 2 kebaikan MyIPO kepada perniagaan dan pengguna.
- 3 kandungan yang termaktub dalam undang-undang:
 - (a) Akta Paten 1983
 - (b) Akta Cap Dagangan 1976
 - (c) Akta Hak Cipta 1987



Gerak Minda 2

SOALAN STRUKTUR

Arahan: *Jawab semua soalan.*

- 1 Nyatakan maksud *faktor dalaman* dalam persekitaran perniagaan.

- 2 Berikan **dua** contoh kesan perubahan dalam ekonomi dan teknologi kepada perniagaan.

- 3 Nyatakan jenis pelepasan cukai yang berkaitan dengan perniagaan.

- 4 Berikan **dua** contoh agensi kerajaan yang membantu memberi pembiayaan kepada usahawan.

(a) _____

(b) _____

- 5 Nyatakan maksud *inflasi*.

SOALAN ESEI



Arahan: *Jawab semua soalan.*

- (a) Huraikan persekitaran dalam perniagaan.
(b) Berikan cadangan yang dapat membantu sesebuah perniagaan menangani perubahan dalam teknologi dan perundangan.
- Jelaskan jenis pengangguran yang sedang dihadapi oleh negara pada masa ini. Bincangkan.
- Jelaskan punca berlakunya deflasi di sesebuah negara.
- Terangkan kepentingan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.
- Terangkan perbezaan antara persekitaran dalaman dengan persekitaran luaran.



Aktiviti Kumpulan Kreatif dan Inovatif 2

Tugasan: Menjelaskan jenis-jenis perundangan dan peraturan perniagaan yang terdapat di Malaysia

Kaedah dicadangkan: Pembelajaran berasaskan inkuiri

Langkah-langkah:

- 1 Bahagikan kelas kepada kumpulan kecil.
- 2 Setiap kumpulan diberikan tugas mengikut jenis perundangan oleh guru. Contohnya, undang-undang yang melindungi pengguna dan undang-undang yang melindungi peniaga.
- 3 Murid melayari Internet untuk mendapatkan maklumat.
- 4 Bincangkan maklumat dalam kumpulan dan buat pembentangan dalam kelas.

Refleksi



- 1 Terangkan peranan kerajaan dalam menangani isu tempatan, negara dan serantau.
- 2 Jelaskan perbezaan peranan yang wujud antara kerajaan pusat, negeri dan tempatan.
- 3 Terangkan undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan.
- 4 Jelaskan peranan kerajaan dari aspek pertumbuhan ekonomi, guna tenaga dan masalah kemelesetan ekonomi.
- 5 Jelaskan persekitaran perniagaan yang wujud di Malaysia.

Rumusan



Bab ini mengulas isu berkenaan dengan persekitaran perniagaan yang sangat kompleks. Persekitaran perniagaan terdiri daripada faktor dalaman dan faktor luaran. Elemen dalam kedua-dua faktor ini perlu diberi perhatian dalam membentuk satu sistem pengurusan dan operasi yang mantap dalam sesebuah perniagaan. Faktor dalaman merupakan kekuatan dan kelemahan dalam sesebuah organisasi. Faktor luaran pula ialah sesuatu yang di luar kawalan perniagaan. Hala tuju perniagaan boleh ditentukan dengan membuat analisis dalaman dan luaran untuk menentukan tindakan yang perlu diambil untuk menangani perubahan-perubahan dalam persekitaran perniagaan.



Latihan Sumatif 2

SOALAN OBJEKTIF

Arahan: *Jawab semua soalan.*

- Antara berikut, yang manakah akta yang terdapat dalam perniagaan?
 - Akta kontrak 1960
 - Akta sewa beli 1967
 - Akta perkongsian 1969
 - Akta jualan barangan 1975
- Yang manakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?
 - Menyediakan infrastruktur
 - Menyediakan bantuan pelaburan
 - Memajukan sistem pendidikan usahawan
 - Menaja pembangunan perniagaan setempat
- Kerajaan negeri menjalankan peranan
 - membangunkan kawasan setempat
 - membina jaringan pengangkutan yang baik
 - mengumpul cukai pendapatan dan cukai keuntungan perniagaan
 - melindungi pengguna daripada menjadi mangsa penipuan perniagaan
- Pilih pernyataan yang benar berkaitan dengan guna tenaga penuh.
 - Pengangguran mencapai tahap minimum empat peratus
 - Pengurangan kadar ganti pusing dalam kalangan pekerja
 - Tidak wujud pengangguran sumber tenaga dalam kalangan pekerja
 - Penganggur diberi latihan berkaitan dengan peningkatan produktiviti
- Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pengangguran bermusim?
 - Keadaan ekonomi meleset
 - Tiada kemahiran yang diperlukan
 - Berlaku perubahan dalam industri
 - Tempoh bekerja dalam jangka masa pendek
- Apakah faktor yang menyebabkan pengangguran bermusim berlaku?
 - Pekerja tamat kontrak
 - Pekerja diberhentikan
 - Pekerja tiada kemahiran teknologi
 - Pekerja mendapat pekerjaan baharu
- Pengangguran kitaran berlaku kerana
 - ekonomi tidak stabil
 - pekerja tamat kontrak
 - pekerja kekurangan kemahiran
 - majikan gagal membayar gaji pekerja
- Yang manakah faktor inflasi?
 - Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara tahunan
 - Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan
 - Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berperingkat
 - Kenaikan harga barang dan perkhidmatan mengikut jumlah permintaan
- Yang manakah kesan deflasi?
 - Berlaku guna tenaga penuh
 - Kuasa beli pengguna meningkat
 - Wujud lambakan barang atau perkhidmatan dalam pasaran
 - Permintaan terhadap barang atau perkhidmatan meningkat secara berterusan
- Pilih kesan yang berlaku akibat daripada kewujudan faktor persekitaran luaran yang menyebabkan trend menurun.
 - Kuasa beli meningkat
 - Nilai wang meningkat
 - Kos pengeluaran menurun
 - Kesukaran melaksanakan polisi atau dasar yang berkaitan dengan ekonomi
- Bagaimanakah kerajaan dapat mempengaruhi operasi sesebuah perniagaan?
 - Melalui penggubalan dasar dan penguatkuasaan undang-undang
 - Memberikan khidmat nasihat kepada golongan peniaga
 - Meletakkan wakil kerajaan di setiap premis perniagaan
 - Mengenakan denda kepada peniaga yang tidak mengikut peraturan





12 Yang manakah pasangan yang betul?

	Dasar Fiskal	Dasar Kewangan
A	Pelaksanaan cukai	Penetapan kadar faedah
B	Dilaksanakan sepanjang tahun	Dilaksanakan untuk tempoh tertentu
C	Dikenakan kepada semua orang	Khas untuk peniaga sahaja
D	Dilaksanakan melalui bank saudagar	Dilaksanakan melalui bank pusat

13 Antara berikut, yang manakah kesan kemelesetan ekonomi?

- I Guna tenaga penuh
 - II Pengangguran meningkat
 - III Kuasa beli penduduk menurun
 - IV Kuasa beli penduduk meningkat
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

14 Gambar foto berkaitan faktor dalaman dalam persekitaran perniagaan.



Apakah faktor dalaman tersebut?

- A Pekerja C Pengeluaran
B Pemasaran D Gaya pengurusan

15 Pilih pernyataan yang benar berkaitan analisis SWOT.

- A Kekuatan dan ancaman ialah komponen analisis luaran
- B Kekuatan dan kelemahan ialah komponen analisis luaran
- C Peluang dan ancaman ialah komponen untuk analisis luaran
- D Peluang dan ancaman ialah komponen untuk analisis dalaman

16 Mengapakah trend penggunaan tenaga pekerja di negara maju semakin berkurangan?

- A Tiada peluang untuk kenaikan pangkat dalam organisasi
- B Upah yang ditawarkan rendah oleh itu pekerja berhijrah ke negara lain
- C Meningkatnya penggunaan mesin, robot dan teknologi dalam pengeluaran
- D Negara maju hanya menumpukan kepada bidang perkhidmatan sahaja

17 Pilih pernyataan betul tentang masalah kemerosotan ekonomi.

- I Pendapatan penduduk tidak mencukupi untuk membeli barang
 - II Peniaga akan mengeksport barang ke luar negara
 - III Pengeluaran barang meningkat
 - IV Kadar pengangguran meningkat
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

18 Yang manakah kesan perubahan dari aspek teknologi?

- A Kaedah pengagihan barang dan perkhidmatan menjadi lebih cekap
- B Perbezaan gaya hidup membuka peluang menembusi pasaran yang baharu
- C Pelbagai program berkaitan perniagaan diterapkan dalam sistem pendidikan
- D Sekatan dikenakan ke atas barang import untuk melindungi dan menjaga kepentingan peniaga tempatan

19 Situasi manakah yang berkaitan dengan gaya pengurusan sederhana?

- A Majikan bertindak tegas dengan pekerja
- B Majikan terlalu memberi ruang kepada pekerja mereka
- C Majikan menjaga hubungan baik dengan pekerja mereka
- D Majikan menjalinkan hubungan baik dengan pekerja mereka

20 Yang manakah tanggungjawab Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)?

- A Mendaftar perniagaan
- B Mengawal penetapan harga
- C Menggubal undang-undang syarikat
- D Membantu mempromosi syarikat ke luar negara





SOALAN ESEI



Arahan: *Jawab semua soalan.*

- 1 Jelaskan dengan ringkas kepentingan perniagaan kepada ekonomi negara.
- 2 Terangkan **empat** faktor persekitaran luaran dengan memberikan contoh yang sesuai.
- 3 Jelaskan analisis kekuatan (*strenghts*) dan peluang (*opportunities*) dapat menyumbang kepada sesebuah organisasi perniagaan.
- 4 Terangkan sebab pihak kerajaan menggubal undang-undang dan peraturan untuk memberi perlindungan kepada pengguna.
- 5 Huraikan bagaimana faktor yang berikut dapat menggalakkan industri pelancongan di Malaysia.
 - (i) Pelanggan
 - (ii) Ekonomi
 - (iii) Undang-undang
- 6 Dengan memberikan contoh, jelaskan bagaimana perubahan teknologi dan pelanggan dapat menyumbang kepada perkembangan dan pertumbuhan industri perbankan Malaysia.
- 7 Terangkan manfaat yang diperoleh oleh sebuah organisasi perniagaan yang telah melakukan analisis dalaman dan luaran untuk perniagaannya.
- 8 Terangkan dengan contoh dasar fiskal dan dasar kewangan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkukuh pertumbuhan ekonomi.
- 9 Analisis SWOT dilakukan bagi memahami situasi sesebuah organisasi perniagaan. Jelaskan.
- 10 Jelaskan cara mengatasi lambakan barang import di Malaysia.